



Faculty of Cognitive Sciences and Human Development

**ETIMOLOGI NAMA ETNIK MELANAU ANTARA GENERASI DI MUKAH,
SARAWAK**

Joscie Binti Minan

**Bachelor of Science with
Honours(Cognitive Science)**

2020

UNIVERSITI MALAYSIA SAWARAK

Grade: A-

Please tick ()
Final Year Project Report
Masters
PhD

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL
WORK

This declaration is made on the 7 day of AUGUST 2020.

Student's Declaration:

I JOSCIE BINTI MINAN, 61055, FACULTY OF COGNITIVE SCIENCE AND HUMAN DEVELOPMENT hereby declare that the work entitled, ETIMOLOGI NAMA ETNIK MELANAU ANTARA GENERASI DI MUKAH, SARAWAK is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

7 AUGUST 2020


Joscie

Date submitted

JOSCIE BINTI MINAN(61055)

Supervisor's Declaration:

I DR. FITRI SURAYA MOHAMAD hereby certifies that the work entitled, ETIMOLOGI NAMA ETNIK MELANAU ANTARA GENERASI DI MUKAH, SARAWAK was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF SCIENCES WITH HONOR(COGNITIVE SCIENCE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by:  _____

Date: 7 August 2020

(ASSOC. PROF. DR. FITRI SURAYA MOHAMAD)

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)* **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature: Joscie
7 August 2020

Supervisor's signature: 
(7 August 2020)


Current Address: No.35A, Kampung Telian Tengah, 96400, Mukah, Sarwak

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk 'Etimologi Nama Etnik Melanau Antara Generasi Di Mukah, Sarawak' disediakan oleh Joscie Binti Minan dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains Kognitif dengan Kepujian.

Diterima untuk diperiksa oleh:



(ASSOC. PROF. DR. FITRI SURAYA MOHAMAD)

Tarikh:

7 Ogos 2020

Grade

A-

ETIMOLOGI NAMA ETNIK MELANAU ANTARA GENERASI DI MUKAH, SARAWAK

Joscie Binti Minan

This project was submitted in partial fulfilment of the requirement for a
Bachelor of Science with Honours (Cognitive Sciences)

Faculty of Cognitive Sciences and Human Development

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

(2020)

ABSTRAK
ETIMOLOGI NAMA ETNIK MELANAU ANTARA GENERASI DI MUKAH,
SARAWAK
JOSCIE BINTI MINAN

Nama melambangkan identiti seseorang yang dapat menggambarkan tradisi, agama, sejarah dan budaya masyarakat tertentu. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji pemberian nama masyarakat Melanau di Mukah adalah disebabkan oleh agama dan budaya. Selain itu, kajian ini turut dijalankan untuk mengkaji pemberian nama dalam masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak dipengaruhi oleh latar belakang masyarakat seperti jantina dan status sosial. Akhir sekali, untuk mengkaji pemberian nama dalam masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak dipengaruhi oleh trend semasa. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif berbentuk kajian soal selidik di mana pengkaji mengambil data responden menggunakan google form. Responden kajian ini terdiri daripada 10 buah keluarga yang berbangsa Melanau dan berasal dari Mukah, Sarawak.

Senarai Kandungan

Tajuk	No
Abstrak	1
Senarai Kandungan	2-3
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	4
1.2 Latar belakang Kajian	4-5
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
Objektif Umum	6
Objektif Khusus	6
1.5 Persoalan Kajian	6
Persoalan Umum	6
Persoalan Khusus	6
1.6 Rumusan	7
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	8
2.1 Pengenalan	8
2.2 Faktor Agama dan budaya	8
Faktor Latarbelakang Masyarakat	8-9
Faktor Trend Semasa	9-10
2.3 Rumusan	10
3.0 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	11

	11
3.1 Pengenalan	
3.2 Reka Bentuk Kajian	11
3.3 Metodologi Kajian	11
3.4 Kaedah Persampelan	12
3.5 Instrumen Kajian	12
3.6 Etika kajian	12-13
3.7 Prosedur Pengumpulan data	14
3.8 Prosedur Analisis Data	15
4.0 BAB 4 HASIL KAJIAN	16
4.1 Pengenalan	16
4.2 Faktor Agama dan Budaya	16-19
4.3 Faktor Latarbelakang Masyarakat	19-21
4.4 Faktor Trend Semasa	22-25
4.5 Kesimpulan	
5.0 BAB 5 RUMUSAN KAJIAN	26
5.1 Pengenalan	26
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	26-29
5.3 Cadangan	29-30
5.4 Kesimpulan	30
References	31-3

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji etimologi nama etnik Melanau antara generasi di Mukah, Sarawak. Bab ini terbahagi kepada enam bahagian. Bahagian pertama akan menerangkan latar belakang kajian manakala bahagian kedua akan menjelaskan pernyataan masalah kajian. Seterusnya, bahagian ketiga pula membincangkan tentang tentang objektif kajian yang dijalankan dan persoalan kajian. Kepentingan kajian ini akan diterangkan dalam bahagian yang kelima. Akhir sekali ialah kesimpulan.

1.2 PENDAHULUAN

Nama melambangkan identiti seseorang yang dapat menggambarkan tradisi, agama, sejarah dan budaya masyarakat tertentu. Apabila mendengar nama seseorang, timbul persepsi dan pertanyaan terhadap identiti individu tersebut. Pemberian nama anak semestinya mempunyai maksud tertentu kerana ibubapa mempunyai keinginan dan harapan terhadap nama tersebut. Dalam bidang linguistik, kajian tentang asal – usul nama dikenali dengan istilah etimologi.

Wardaugh (2006) juga mengemukakan bahawa *“names are not only ascribed by region, which is what we might expect, but sometimes also by caste, religion, village and so on”*. Kita dapat membuat kesimpulan bahawa penamaan diri seseorang juga boleh memberi gambaran secara automatik kepada orang lain untuk menilai identiti diri kita. Namun, ada juga kemungkinan bahawa nama juga tidak mengandungi unsur – unsur identiti diri yang boleh mengesan identiti diri kaum atau latarbelakang empunya nama tersebut. Lieberson (1982) menyatakan bahawa terdapat tiga perkara yang turut mempengaruhi kewujudan bentuk nama iaitu tingkat pengetahuan ibubapa, status sosial dan agama. Berkembang pesatnya budaya popular yang dipaparkan didalam akhbar, televisyen, dan teknologi seperti internet juga menjadi pendorong berkembangnya bentuk

Pemberian nama diri yang berunsur keagamaan merupakan salah satu ketertiban sosial yang dilakukan masyarakat Melanau untuk memperlihatkan identiti dirinya dalam kelompok kumpulan yang beragama. Bentler (2012) menyatakan bahawa *“Names go with identity and identity go with name”*. Ia bermaksud bahawa setiap nama secara automatik melahirkan identiti diri dan identit diri juga diwakilkan oleh sebuah nama. Oleh itu, nama dan identiti diri tidak dapat dipisahkan oleh satu sama lain.

Selain itu, faktor penamaan berkait rapat dengan budaya sesuatu masyarakat dan berhubung kait dengan pengharapan, ketakutan, kepercayaan dan fenomena yang berlaku dalam masyarakat tersebut (De Klerk, 1999). Chauke (1992) membincangkan mengenai nama mempunyai kepentingan tinggi yang berfungsi sebagai pemberitahuan kepada generasi seterusnya bahawa terdapat kewujudan generasi terdahulu di sesuatu tempat atau dalam kehidupan mereka. Dalam erti kata yang lain, nama mempunyai tanggungjawab untuk memberitahu atau mengingatkan generasi baru bahawa generasi lama pernah wujud di dalam masyarakat. Ia secara tidak langsung mewariskan nama sebagai identiti masyarakat untuk generasi seterusnya.

Walau bagaimanapun, perkembangan zaman telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan manusia termasuklah dalam pemberian nama terhadap anak-anak. Perkara ini disebabkan oleh kewujudan media sosial sehingga hubungan dengan dunia luar menjadi sangat terbuka kepada semua masyarakat. Pengaruh globalisasi yang ketara terhadap masyarakat kini ialah penggunaan bahasa asing. Sebagai contoh, masyarakat Melanau khususnya cenderung menggunakan bahasa asing dalam pertuturan seharian seperti download (muat turun), upload (muat naik), school (sekolah), dan copy (salin). Penggunaan bahasa asing khususnya bahasa Inggeris masih dianggap sebagai suatu perkara yang mudah sehingga unsur penamaan nama diri juga diinspirasi daripada nama Inggeris atau kebaratan.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan agama. Oleh sebab itu, kepelbagaian pemberian nama dapat dilihat pada masa ini. Memandangkan rangkaian perhubungan semakin meluas, kebanyakan masyarakat mula menamakan generasi seterusnya dengan nama yang amat berbeza dengan generasi-generasi sebelumnya.

Sepanjang dekad yang lalu, ramai penyelidik telah menunjukkan minat dalam mengkaji pemberian-pemberian nama terhadap objek dan tempat. Walau bagaimanapun, tiada perbahasan atau kajian lepas telah dilakukan untuk menganalisis bagaimana dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi minda manusia untuk memberikan sesuatu nama terhadap anak-anak mereka terutama di kalangan etnik di Sarawak. Selain itu, kajian agak terhad mengenai pemberian nama terhadap etnik di Sarawak kerana penyelidikan masa lalu lebih menumpukan kajian kearah nama tempat sesuatu kawasan.

Bahan bacaan tentang nama banyak tersedia namun hanya sedikit yang dilakukan kearah nama diri sebagai sebahagian daripada struktur grammatical Bahasa. Tiada kajian nama diri sesuatu etnik di dilakukan oleh penyelidik-penyelidik lepas di Sarawak mahupun di seluruh Malaysia.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, objektif kajian terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus. Objektif kajian akan mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

1.4.1 OBJEKTIF UMUM

Kajian ini secara umumnya dilaksanakan adalah untuk mengetahui bagaimana masyarakat Melanau Mukah memperoleh nama mereka.

1.4.2 OBJEKTIF KHUSUS

1. Untuk mengkaji pemberian nama masyarakat Melanau di Mukah adalah disebabkan oleh agama dan budaya.
2. Untuk mengkaji pemberian nama dalam masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak dipengaruhi oleh latar belakang masyarakat seperti jantina dan status sosial.
3. Untuk mengkaji pemberian nama dalam masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak dipengaruhi oleh trend semasa.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat dua bentuk persoalan kajian iaitu persoalan umum dan persoalan khusus. Untuk penyelidikan ini, terdapat satu persoalan umum dan tiga persoalan khusus yang telah ditetapkan.

1.5.1 PERSOALAN UMUM

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak dalam memberikan nama terhadap anak-anak mereka?

1.5.2 PERSOALAN KHUSUS

1. Adakah pemberian nama masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak disebabkan oleh budaya dan agama?
2. Adakah pemberian nama dalam masyarakat Melanau di Mukah dipengaruhi oleh latar belakang masyarakat seperti jantina dan status sosial?
3. Adakah pemberian nama dalam masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak dipengaruhi oleh trend semasa?

1.6 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, bab ini telah membicarakan secara lebih mendalam tentang kajian yang akan dijalankan. Bab ini telah menerangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian yang terdiri daripada objektif umum dan khusus, persoalan kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah iaitu secara konseptual dan operasional. Bab seterusnya akan membicarakan tentang kajian literatur iaitu teori -teori yang berkaitan dan sorotan kajian lepas oleh pengkaji terdahulu.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang isu-isu yang berkaitan dengan tajuk kajian.

2.2 Faktor agama dan budaya

Masyarakat Melanau di Mukah rata-rata menganuti agama Islam dan Kristian. Menurut Yonge (1863), beliau menyatakan bahawa kita akan menemui sejarah, agama, dan watak bangsa yang dicap pada individu dengan nama yang mereka namakan. Yonge berpendapat bahawa nama bukan hanya merujuk kepada individu tersebut sahaja namun agama yang dianutinya. Penyebaran agama pada zaman dahulu mempengaruhi masyarakat untuk memberikan nama kepada anak-anak mereka dan generasi seterusnya. Perubahan kepercayaan dan keagamaan terus memberi kesan kepada makna pemberian nama. Dalam erti kata yang lain, perubahan gaya hidup dan budaya yang disebabkan oleh agama memberi makna baharu dalam pemberian nama.

Tayfun Atay menyifatkan agama sebagai salah satu perlakuan kognitif dan corak perlakuan terhadap makhluk ghaib dan kekuasaan. Beliau berkata bahawa agama merupakan perlakuan kognitif yang memberi kesan terhadap kepercayaan dan corak perlakuan semasa amalan penyembahan itu dilakukan. Oleh itu, ritual adalah salah satu elemen penting melalui simbol suci dan konvensyen agama disampaikan dan dipelihara. Hubungan simbol-ritual dan tradisi berasaskan agama yang disebabkan oleh struktur dualis ini mengungkapkan perbezaan antara komuniti, kumpulan etnik, komuniti agama, dan struktur kelas. Fakta bahawa ritual penamaan dilakukan sesuai dengan kepercayaan dan kebiasaan agama membawa harapan tertentu. Sebagai contoh, nama-nama tersebut diharapkan memiliki makna khusus termasuk atribut dan keinginan masa depan bagi pemegang nama, dan pemegang nama tersebut dapat dikenal pasti dengan makna sejarah, budaya, dan keagamaan yang dikaitkan dengan nama-nama tersebut.

Faktor penamaan anak yang dipengaruhi oleh agama Islam mempunyai kepelbagaian kerana dipengaruhi oleh Bahasa Arab dan nama-nama Nabi, saudara – mara dan rakan-rakan Nabi, hadis –

hadis al-Quraan dan tempat – tempat yang berkaitan dengan sejarah Nabi. Dalam agama Kristian pula, nama-nama orang Kudus, dan nama para Imam di gereja mempengaruhi penamaan anak. Agama Kristian percaya bahawa pemberian nama yang berkaitan dan mempunyai maksud dalam agama akan membantu mereka di akhirat kelak.

2.3 Faktor latar belakang masyarakat

Jantina seseorang juga memberi sumbangan dalam faktor penamaan anak. Kajian menunjukkan bahawa nama anak lelaki lebih bersifat konvensional daripada anak perempuan. Pengaruh fonemik dan keunikan serta keindahan nama lebih penting dalam pemberian nama perempuan berbanding anak lelaki (Joubert, 2017). Masyarakat lebih percaya bahawa anak lelaki memberi penghormatan dan nama baik terhadap keluarga daripada anak perempuan. Oleh itu, penamaan nama anak lelaki harus mempunyai maksud yang luhur berbanding anak perempuan yang hanya dianggap sebagai penyeri keluarga sahaja.

Selain itu, pemberian nama juga bergantung kepada minggu kelahiran, waktu kelahiran (waktu subuh, pagi, senja, tengah hari, petang dan malam), musim, jarak kelahiran, tempat kelahiran, kejadian yang berlaku terhadap bayi dan keluarga sewaktu kelahiran dan kedudukan ibu bapa serta jantina bayi memainkan peranan penting dalam proses penamaan anak. Menurut Garwood (1976), nama diperoleh daripada perkara yang berlaku sewaktu kelahiran seperti tempat lahir, persekitaran atau faktor dominan yang lain. Nama tidak semestinya dipilih secara rawak dan kebiasaannya diinspirasi daripada nama nenek moyang terdahulu atau hubungan penting yang lain. Kadangkala kajadian yang pelik dan penting kepada sesuatu individu menyumbang kepada pemberian nama.

Kofi (2006) mencadangkan konteks yang berbeza di mana nama kanak-kanak diberikan. Antara lain, nama-nama utama adalah nama-nama hari, keluarga, keadaan, cara lahir, teofora, nama-nama pelik, nama-nama sindiran dan pepatah, geng dan nama samaran, pangkat, pendidikan, profesional, agama, perkahwinan dan nama barat. Oleh itu, nama individu merujuk kepada peristiwa sejarah, kenangan, perasaan, hubungan status, hubungan keluarga dan kekeluargaan, dan juga kewibawaan.

Mphela (2001) mengatakan bahawa dalam menamakan anak-anak mereka, orang dari pelbagai budaya menggunakan pendekatan yang berbeza. Orang pra-celik memutuskan bahawa nama mengikut peraturan yang sangat pasti dan tepat menurut Edward (1996), orang pra-celik huruf. Anak-anak dalam beberapa budaya mendapat nama mereka dari pohon keluarga ibu bapa mereka. Nama berasal dari kejadian dalam budaya lain yang berlaku semasa kehamilan ibu atau tidak lama selepas kelahiran anak.

2.4 Faktor trend semasa

Perkembangan teknologi pada masa kini mempengaruhi proses penamaan anak.

Dunkling (*Journal of Languages and Culture*, 2017) menunjukkan bahawa pada masa ini terdapat fesyen dalam penggunaan nama kerana ia adalah fesyen di bidang kehidupan yang lain, yang juga boleh menjadi salah satu sebab penurunan penggunaan nama yang diambil dari dalam keluarga pada awal abad ke-19. Kekekapan dengan nama itu muncul mempengaruhi tafsiran mereka dan suka seperti: nama umum biasanya lebih disukai daripada yang jarang.

Pengaruh yang dilakukan terhadap ibu bapa dalam membuat pilihan ini, sangat bervariasi dan dapat merangkumi dimensi politik dan agama masyarakat secara keseluruhan. Sebagai contoh, adat istiadat penamaan New England berubah antara abad ke-17 dan ke-19 ketika terdapat pergeseran dari nama-nama Alkitab, jelas menggambarkan perubahan kepada ekonomi industri yang lebih dan masyarakat yang kurang beragama (Scott Smith, 1985). Untuk memetik contoh kontemporari dari tradisi linguistik yang berbeza, di dunia berbahasa Arab, di mana Islam selalu memberikan sumber majoriti nama, terdapat trend yang semakin meningkat untuk memilih nama yang mengikuti adat Eropah / Amerika walaupun kepentingan semasa agama dalam masyarakat ini (Hanks dan Hodges).

Pengaruh fesyen pada pemilihan nama adalah dimensi budaya yang mempunyai kepentingan yang jelas. Terdapat sastera Amerika yang meriah mengenai topik ini (Besnard, 1995; Lieberson, 1995; Lieberson dan Bell, 1992). Di UK, kepentingan fesyen dapat dilihat dengan jelas dari penerbitan tahunan oleh pejabat Ketua Pendaftar untuk England dan Wales dengan nama 'lima puluh teratas' dari pendaftaran kelahiran pada tahun tertentu. Ini menunjukkan gabungan kesinambungan dan perubahan dari masa ke masa, di mana fesyen memainkan peranan penting. Untuk edisi milenium *Social Trends* (2000: 23) memberikan gambaran ringkas mengenai trend nama sepanjang abad ke-20, menggunakan data untuk tahun-tahun terpilih. John dan Margaret adalah nama lelaki dan wanita yang paling popular untuk separuh pertama abad ke-20 tetapi kedua-duanya tidak termasuk dalam 50 teratas pada akhir abad ini. Rakan sejawat mereka pada akhir abad ini adalah Jack dan Chloe, walaupun kedua-duanya tidak mencapai 50 teratas hanya 15 tahun sebelumnya. Dalam menafsirkan tren ini, yang nampaknya menunjukkan tahap turun naik yang signifikan dalam pemilihan nama, penting untuk diperhatikan bahawa hanya nama depan 'pertama' yang digunakan dalam analisis. Perubahan dalam populariti nama yang berlainan dari masa ke masa telah dikapitalisasi dalam pengembangan alat penyelidikan sosial yang dapat meramalkan kebarangkalian statistik seseorang dengan nama tertentu termasuk dalam kumpulan usia tertentu.

Menurut kajian Antropologi pada tahun 1984, kebanyakan orang di dunia tidak mempunyai skema penamaan unik yang sangat teratur seperti yang kita biasa dengan masyarakat kita sendiri. Dalam masyarakat Eropah, begitu juga dengan China dan Jepun, diberi nama resmi, sah, dalam bentuk tertulis, sekitar waktu kelahiran dan sebahagian daripadanya biasanya mencerminkan nama bapa bayi tersebut. Biasanya, orang itu mempunyai nama sah yang sama sepanjang hidup. Di samping itu, semasa bahagian kehidupan yang berbeza, seseorang mungkin mempunyai "nama panggilan" yang tidak rasmi. Kadang-kadang mereka hanya digunakan oleh saudara terdekat atau teman rapat; mereka tidak menggantikan nama umum dan undang-undang dalam situasi apa pun.

Bab 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian. Dalam bab ini akan membincangkan tentang reka bentuk kajian, kaedah persampelan, dan instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji. Selain itu, bab ini juga akan menjelaskan tentang keaslian dan kebolehpercayaan dan etika kajian semasa menjalankan penyelidikan. Akhir sekali, pengkaji juga akan turut membincangkan tentang prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data dalam proses penyelesaian kajian ini. Metodologi kajian merupakan kaedah yang paling sesuai untuk merekabentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong rumusan (Rusli Ahmad & Hasbee Usop, 2011)

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan panduan dalam satu penyelidikan untuk mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan yang dinyatakan dalam kajian yang dilakukan. Metodologi kajian dan kaedah kajian merupakan pecahan daripada reka bentuk kajian. Menurut Sabitha (2006), beliau menyatakan bahawa reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang menunjukkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian ini dijalankan.

3.3 Metodologi kajian

Dalam bahagian ini, penyelidik akan menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan dengan

metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini iaitu kajian kualitatif. Metodologi yang digunakan untuk menggambarkan keseluruhan proses kajian ini ialah kajian kualitatif. Pemilihan reka bentuk kualitatif ini hendaklah meletakkan diri seseorang pengkaji itu dalam dunia empirical yang menghubungkan persoalan penyelidikan dengan data (Punch, 2001). Menurut Silverman (2011), kajian kualitatif ini menjurus kepada konteks budaya dan sosial iaitu seperti pendapat, pemahaman dan pengalaman manusia secara mendalam dan bukan semata-mata untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah. Oleh sebab itu, kajian kualitatif mempunyai sifat yang deskriptif analitik, bersifat induktif dan mengutamakan makna.

3.4 Kaedah Persampelan

Menurut Azizi Yahaya et al.,(2007), pemilihan sampel adalah satu aspek yang penting dalam membuat penyelidikan. Oleh itu, pemilihan sampel hendaklah mewakili populasi supaya dapatan kajian dapat digeneralisasikan.

Dalam pengumpulan data kajian, kaedah persampelan akan digunakan oleh pengkaji untuk melengkapkan kajian. Dalam penyelidikan ini, populasi sasaran ialah masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Hal ini demikian kerana pengkaji ingin mengetahui faktor pemberian nama masyarakat Melanau di Mukah melalui generasi yang berbeza.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik menggunakan google forms. Ia digunakan untuk memperoleh data kualitatif. Soal selidik kajian ini dibina dan diubahsuai mengikut keperluan objektif kajian. Borang soal selidik dalam bentuk google form disebarikan secara rawak di dalam media sosial seperti Whatsapps dan Facebook.

3.6 Etika Kajian

Dalam menjalankan kajian, etika hendaklah kita patuhi iaitu etika kajian yang telah ditetapkan kerana ia merupakan tanggungjawab pengkaji semasa menjalankan kajian. Namun, apabila pengkaji melanggar salah satu etika, ia akan mengugat keaslian dan kebolehpercayaan kajian yang dijalankan. Dalam hal ini, hasil kajian yang dijalankan pengkaji akan menjatuhkan reputasi penyelidikan. Etika

adalah garis panduan yang perlu diikuti untuk melengkapkan setiap kajian (Resnik, 2015). Tingkah laku dalam menjalankan kajian akan memberi kesan secara langsung terhadap kehidupan subjek yang dikaji. Antara elemen-elemen yang penting dalam etika ialah:

No	Elemen	Huraian
1.	Bahasa	Bahasa yang digunakan amatlah penting dalam menyampaikan maklumat kepada informan. Oleh itu, pengkaji hendaklah memilih Bahasa yang mudah untuk difahami. Selain itu, penyampaian atau penerangan yang jelas juga perlu diambil kira untuk memudahkan informan memahami kehendak pengkaji dalam peyelidikan.
2.	Perasaan Informan	Semasa mengambil data, pengkaji perlu menjaga perasaan informan seperti memberikan masa kepada informan untuk menjawab soalan yang diajukan oleh pengkaji. Di samping itu, pengkaji juga perlu meneliti dan menyemak semula soalan-soalan yang ingin ditanyakan kepada informan supaya soalan tidak menimbulkan perasaan tidak selesa kepada informan. Tegasnya, pengkaji tidak boleh sama sekali memberikan tekanan kepada informan dari segi fizikal ataupun mental.
3.	Berterus-terang dengan informan	Semasa penyelidikan memgolah soalan untuk informan, pengkaji haruslah memberi penjelasan yang jelas kepada informan mengenai maklumat dan tujuan kajian dijalankan.
4.	Amanah dalam menjaga butiran peribadi informan	Pengkaji bertanggungjawab dalam menyimpan dan menggunakan butiran peribadi informan. Ini bagi mengelakkan keselamatan diri dan keluarga informan terjejas. Oleh itu, pengkaji tidak akan sama sekali

mendedahkan butiran peribadi informan supaya tidak jatuh ke tangan pihak ketiga yang menyulitkan prosedur kajian.

Jadual 1

3.7 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam bahagian ini, prosedur pemungutan data dalam kajian ini dihuraikan . Ia merangkumi huraian tentang kajian rintis dan prosedur pengumpulan data melalui instrumen soal selidik .

3.7.1 Kajian rintis

Sebelum menjalankan kajian sebenar, satu kajian rintis telah dilakukan. Prosedur kajian rintis adalah berdasarkan rangka persampelan yang akan dilakukan dalam kajian sebenar. Ia bertujuan untuk menilai kesesuaian reka bentuk kajian dan menguji kebolegunaan dan kesesuaian setiap soalan didalam borang soal selidik.

Seramai 10 orang mahasiswa berbangsa Melanau yang berhomogen dengan responden sebenar telah dipilih secara rawak untuk menjadi responden.

3.7.2 Pengumpulan data

Pengumpulan data untuk kajian dilakukan melalui kajian soal selidik. Setelah borang soal selidik disediakan, pendedaran borang soal selidik berbentuk google forms disebarkan di dalam laman sosial pengkaji iaitu Whatsapps dan Facebook. Kajian soal selidik telah

dilakukan terhadap 10 orang responden yang mewakili keluarga masing-masing dalam jangka masa 2 minggu 3 hari.

Walaupun soal selidik merupakan cara yang berkesan untuk memperoleh data yang banyak dalam masa yang singkat, namun kesahan data yang dikumpul melalui soal selidik selain bergantung kepada instrumen kajian yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, ia juga bergantung kepada motivasi responden kajian untuk menjawab soalan soal selidik.

Demi mengelakkan responden berasa tertekan untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan ahli keluarga, pengkaji memberi peluang untuk responden menjawab borang soal selidik selama seminggu. Pengkaji juga tidak memaksa responden untuk menjawab soal selidik jika responden tidak mahu menjawab soalan soal selidik.

Semasa mengedar borang soal selidik, pengkaji juga memberitahu responden bahawa maklumat yang diberikan adalah sulit dan data hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja. Ini boleh menyakinkan responden untuk memberikan jawapan secara jujur. Pengkaji juga memberi penerangan mengenai kajian di dalam borang soal selidik untuk mengelak masalah dan keralatan dalam menjawab soalan.

3.8 Prosedur Analisis Data

Maklum balas para responden terhadap soalan – soalan terbuka di dalam google forms dilakukan analisis kualitatif deskriptif bagi memperoleh data mengenai faktor-faktor pemberian nama etnik Melanau di Mukah, Sarawak. Data -data yang diberikan dihuraikan dan diasingkan ke dalam faktor- faktor utama pemberian nama iaitu faktor agama dan budaya, faktor latarbelakang dan faktor trend semasa.

Bab 4

HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan

Hasil daripada perbincangan melalui data yang telah dikumpul dan dianalisis oleh penyelidik dipaparkan dalam bab ini. Dapatan kajian ini berkait dengan beberapa persoalan yang diketengahkan oleh pengkaji iaitu:

1. Adakah pemberian nama masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak disebabkan oleh budaya dan agama?
2. Adakah pemberian nama dalam masyarakat Melanau di Mukah dipengaruhi oleh latar belakang masyarakat ?
3. Adakah pemberian nama dalam masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak dipengaruhi oleh

trend semasa?

Butiran Informan

Kajian ini melibatkan sepuluh buah keluarga yang terdiri daripada masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Kajian ini melibatkan senarai nama keluarga di dalam sebuah keluarga yang terdiri daripada generasi yang berbeza. Butiran nama-nama keluarga tersebut akan digunakan untuk analisis data dan telah dipersetujui oleh ahli keluarga tersebut. Untuk makluman, semua informan merupakan penduduk asal di Kampung Tellian Tengah dan Kampung Sungai Alo, Mukah.

4.2 Faktor Agama dan Budaya

Sebahagian besar masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak menganuti agama Islam dan Kristian. Oleh itu, persoalan mengenai faktor pemberian nama dipengaruhi oleh agama dan budaya

4.2.1 Generasi yang lahir pada tahun 1946 – 1964.

<i>Nama</i>	<i>Maksud</i>
<i>Musa</i>	Nama Nabi Musa
<i>Hawa</i>	Nama isteri Nabi Adam iaitu Hawa yang merupakan perempuan pertama yang lahir di dunia.
<i>Bibiana</i>	Kisah agama Kristian lama
<i>Abdul Hamid</i>	Hamba Allah yang terpuji
<i>Latif</i>	Bermaksud kesopanan

Jadual 2

Jadual di atas menunjukkan faktor agama dan budaya yang mempengaruhi pemberian nama masyarakat Melanau pada generasi yang lahir pada tahun 1946 sehingga 1964 yang lebih dikenali dengan nama Baby Boomers. Terdapat 5 nama individu daripada 10 buah keluarga yang dipengaruhi oleh agama dan budaya. Nama pertama ialah Musa yang lahir pada tahun 1957. Menurut informan, nama Musa bersempena dengan nama Nabi Musa dalam Islam. Seterusnya, Hawa. Hawa lahir pada tahun 1965 dan anak sulung di dalam keluarganya. Oleh itu, namanya bersempena dengan nama isteri

Nabi Adam iaitu Hawa yang merupakan perempuan pertama yang tercipta di dunia. Nama Bibiana pula diambil daripada kisah di dalam kitab injil Kristian lama (old testament). Selain itu Abdul Hamid lahir pada tahun 1945. Menurut Islam, namanya bermaksud Hamba Allah yang terpuji. Nama generasi baby boomers yang dipengaruhi oleh agama ialah Latif. Beliau lahir pada tahun 1964 dan namanya membawa maksud kesopanan.

4.2.2 Generasi yang lahir pada tahun 1965 – 1980.

<i>Nama</i>	<i>Maksud</i>
<i>Asiah</i>	Ketabahan hati mendapat suami seperti firaun dan tidak mudah berputus asa
<i>Syukran</i>	Bermaksud terima kasih. Nama diberi untuk berterima kasih kerana Allah melancarkan kelahirannya.

Jadual 3

Jadual diatas menunjukkan faktor yang mempengaruhi pemberian nama untuk generasi yang lahir pada tahun 1965 sehingga 1980 atau dikenali sebagai Generasi X. Antara nama yang dipengaruhi oleh agama dan budaya ialah Asiah. Namanya bersempena dengan nama isteri Firaun. Namanya bermaksud ketabahan hati seperti Asiah yang tabah mendapat suami seperti Firaun dan tidak mudah berputus asa. Nama seterusnya ialah Syukran. Beliau dilahirkan pada tahun 1980. Syukran bermaksud “terima kasih”. Ibunya memberi nama Syukran kerana berterima kasih kepada Allah yang melancarkan kelahirannya.

4.2.3 Generasi yang lahir pada tahun 1981 – 1994.

<i>Nama</i>	<i>Maksud</i>
<i>Mohd Syukur</i>	Bermaksud bersyukur. Ibunya

bersyukur kerana mendapat anak lelaki pertama.
--

Jadual 4

Jadual diatas menunjukkan faktor pemberian nama anak untuk generasi yang lahir pada tahun 1981 sehingga tahun 1994 yang lebih dikenali sebagai Generasi Millenial. Nama yang dipengaruhi agama dan budaya untuk Generasi Millenial ialah Mohd Syukur. Beliau lahir pada tahun 1994. Namanya bersempena kesyukuran di dalam Islam dan ibu bapanya bersyukur kerana mendapat anak lelaki yang pertama.

4.2.4 Generasi yang lahir pada tahun 1995 – 2010.

<i>Nama</i>	<i>Maksud</i>
<i>Aliff</i>	Huruf pertama jawi
<i>Naura Zinnirah</i>	Bunga Srikandi Islam

Jadual 5

Jadual diatas menunjukkan faktor yang mempengaruhi pemberian nama pada generasi yang lahir pada tahun 1995 sehingga tahun 2010 atau lebih dikenali sebagai Generasi Z. Faktor pertama yang mempengaruhi pemberian nama ialah agama dan budaya. Nama Alif diberikan bersempena dengan huruf pertama jawi. Beliau lahir pada tahun 2000. Selain itu, nama Naura Zinnirah. Nama Naura Zinnirah bermaksud bunga srikandi di dalam Islam.

4.3 Faktor Latar Belakang Masyarakat

4.3.1 Generasi yang lahir pada tahun 1946 – 1964.

<i>Nama</i>	<i>Maksud</i>
<i>Seluhor</i>	Bapanya berpendapat nama itu kedengaran menarik dan sedap didengar.
<i>Lian Kiau</i>	Nama dibuat seperti nama masyarakat